



## **KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

### **INSTITUT SOSIAL MALAYSIA**

#### **TEKS UCAPAN YB DATUK SERI RINA BINTI MOHD HARUN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA KELUARGA DAN MASYARAKAT SEMPENA MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN KURSUS KAP KEPADA GOLONGAN B40, SEPANG SELANGOR**

#### **SALUTASI**

YBhg. Dato' Dr. Junaidah bt Kamarruddin  
Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan  
Masyarakat

YBrs. Dr. Hishamuddin bin Mohd Hashim  
Timbalan Ketua Setiausaha Strategik KPWKM

YBrs. Encik Mohd Yusri bin Mohd Yusoff  
Timbalan Ketua Setiausaha Operasi KPWKM

Ketua-ketua Agensi, SUB-SUB, Pegawai-Pegawai Kanan KPWKM, JKM  
dan ISM  
Wakil-wakil media  
Peserta kursus KAP yang saya kasih

Assalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh dan Salam Sejahtera!

## **Pengenalan**

1. Alhamdulillah dengan inayah dan iradahNYA dapat kita bersama-sama pada petang ini berkumpul di Dewan Perdana Nur, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bagi perasmian Majlis Penutupan Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak PERMATA (Kursus Asuhan PERMATA (KAP)) anjuran Institut Sosial Malaysia (ISM).
2. Saya difahamkan tuan/puan didatangkan khas dari Morib untuk hadir pada majlis ini, dan saya bersyukur dapat melihat keceriaan masing-masing walaupun sudah hampir sebulan berkampung dan berkursus di sana, dengan meninggalkan keluarga masing-masing sejak 12 Julai 2020. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kerana pengorbanan tuan/puan sudah hampir sampai ke penghujungnya. Insya Allah dengan berakhirnya kursus ini, 50% perjuangan telah selesai dan tinggal lagi pengorbanan untuk menduduki peperiksaan yang akan mengiktiraf kemahiran tuan/puan dalam bidang ini.

## **Latar Belakang Kursus Asuhan Permata (KAP)**

3. Izinkan saya menyingkap dengan ringkas latar belakang KAP ini. Tanggal 1 Januari 2013, KAP dikuatkuasakan sebagai kursus yang diwajibkan ke atas pengusaha, pengurus, penyelia dan pengasuh bagi

menggantikan Kursus Asas Asuhan Kanak-Kanak (KAAK) yang telah dilaksanakan sejak tahun 1990. Menurut Peraturan 54, Peraturan-Peraturan TASKA 2012, semua pengusaha, pengurus, penyelia dan pengasuh wajib hadir dan lulus KAP dalam tempoh dua belas bulan bekerja.

4. Latihan berkaitan asuhan dan didikan awal kanak-kanak amat penting untuk menentukan kualiti pengasuhan dan penjagaan kanak-kanak di TASKA dipatuhi. Usaha ini bertujuan untuk memenuhi keperluan perkembangan menyeluruh, keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak serta menangani berlakunya insiden kemalangan dan kematian kanak-kanak seperti yang kerap dilaporkan di media massa. Bak kata pepatah "*Kanak-Kanak Pada Hari Ini Merupakan Pemimpin Masa Hadapan*". Justeru itu pendidikan awal kanak-kanak adalah amat penting bagi memastikan keperluan ini tercapai.

### **Kepentingan Kursus Asuhan PERMATA (KAP)**

5. Berdasarkan statistik KPWKM sehingga 2018, hanya 3,173 orang atau 18.81 peratus pengasuh mempunyai kelayakan minimum iaitu lulus Kursus Asuhan PERMATA, selebihnya 13,700 atau 80.19 peratus pengasuh masih tidak mempunyai Kursus Asuhan PERMATA. Justeru, Ini merupakan salah satu usaha Kementerian untuk memberikan latihan kepada pengasuh atau pendidik sama ada di TASKA Berdaftar atau tidak berdaftar yang belum lagi mengikuti KAP atas dasar tidak berkemampuan mengikuti kursus yang diwajibkan ke atas mereka.

6. Sehubungan itu, menerusi Pelan Pemulihan Ekonomi Jangka Pendek, Pelan Jana Semula Ekonomi (PENJANA), di bawah Bantuan Khas Pengurusan TASKA, Kementerian turut menumpukan untuk memperkasakan KAP dengan memberi insentif RM900 kepada pengasuh untuk mengikuti latihan wajib ini. Kerajaan berhasrat inisiatif memberi “pancing” ini akan membuka peluang kepada mereka yang berminat dalam bidang ini dan kehilangan pekerjaan akibat wabak COVID-19.

### **Pelaksanaan Kursus Asuhan PERMATA (KAP) oleh Institut Sosial Malaysia (ISM)**

7. Sebagai alternatif, Institut Sosial Malaysia (ISM) merupakan sebuah agensi latihan di bawah KPWKM turut diberi tanggungjawab untuk menjalankan KAP kepada golongan isi rumah berpendapatan 40% terendah (isi rumah B40) dan Ibu Waja/Tunggal semenjak tahun 2016. Beberapa siri kursus telah pun dilaksanakan dan setakat ini ISM telah melatih lebih kurang 445 peserta KAP.

8. Kurikulum KAP memberi penekanan kepada peserta tentang pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak terutama dalam aspek kepentingan perkembangan menyeluruh, pemantauan terhadap kesihatan, kebersihan dan keselamatan kanak-kanak bawah umur 4 tahun. ISM berkolaborasi rapat dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) selaku agensi yang menguatkuasa Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 di samping JKM juga turut memberi pengiktirafan bagi mana-mana individu, persatuan, atau syarikat yang layak untuk menjalankan KAP sebagai jurulatih, fasilitator atau agensi latihan. ISM juga bekerjasama dengan agensi-agensi lain seperti Kementerian

Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Bomba dan Penyelamat (BOMBA), dan lain-lain agensi serta NGO yang berkaitan dalam memastikan pelaksanaan KAP yang komprehensif. Penceramah-penceramah yang dilantik juga merupakan mereka yang telah ditauliahkan dan diakreditasikan oleh JKM.

9. Apa yang menariknya, KAP yang dianjurkan oleh ISM adalah berbeza dengan KAP yang dilaksanakan oleh agensi latihan KAP lain yang diiktiraf oleh JKM. Ini kerana ia dilaksanakan **secara percuma** termasuk penginapan dan makan minum dan hanya memberi tumpuan kepada golongan B40 dan Ibu Waja/ Tunggal. Sasaran pelaksanaan KAP oleh ISM adalah untuk memastikan golongan B40 dan Ibu Waja/Tunggal yang telah mengambil upah menjaga serta mengasuh kanak-kanak mempunyai ilmu yang sebenar dalam pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak di samping menjaga kebajikan keluarga dan anak-anak mereka di rumah;

10. Saya percaya inisiatif ini akan membuka lebih banyak peluang kepada golongan B40 dan Ibu Waja/Tunggal khususnya wanita untuk membantu menjana pendapatan bulanan serta memulakan laluan kerjaya dalam bidang pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak.

11. Justeru individu lain yang berminat dan tidak ditawarkan mengikuti KAP anjuran ISM boleh memohon insentif KAP PENJANA yang saya nyatakan sebentar tadi menerusi laman web ezi2care mulai 25 Julai hingga 31 Ogos 2020. KPWKM menjangkakan seramai 8900 pengasuh

yang belum mempunyai kelayakan KAP boleh mendapat manfaat daripada insentif ini.

## **WAY FORWARD KAP oleh ISM**

12. Selaras dengan strategi dalam Bidang Fokus Utama (BFU) RMK11 menjadikan ISM sebagai *Center of Excellence* dalam bidang sosial dan pembangunan sosial di Malaysia, ISM berhasrat untuk memperkasakan KAP secara ‘outreach’, merentasi negeri dan daerah agar peluang ini turut dapat disampaikan kepada lebih ramai golongan B40 dan Ibu Waja/Tunggal.

13. Rancangan Malaysia Ke-11 juga menyarankan kepada pembangunan masyarakat yang lebih inklusif dengan memperkasakan masyarakat melalui pemerkasaan komuniti dan peningkatan profesionalisme dalam bidang perkhidmatan sosial. Justeru, ISM akan bekerjasama rapat dengan JKM dengan melibatkan pelbagai pihak bagi memantapkan pelaksanaan kurikulum KAP dengan mengintegrasikan modul amali dan dalam talian selain kaedah konvensional yang sedia ada. Pilihan pelaksanaan KAP dengan kaedah yang pelbagai ini adalah untuk menggalakkan lebih ramai penyertaan golongan B40 dan Ibu Waja/ Tunggal mengikuti kursus ini.

14. ISM juga dijangka dalam proses untuk membangunkan Sijil Kemahiran bagi tahap kemahiran peringkat 3 hingga 4 berkaitan Perkhidmatan Penjagaan yang melibatkan pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak, penjagaan Warga Emas dan juga Orang Kurang Upaya. Sijil Kemahiran ini juga adalah antara inisiatif transformasi untuk

mengangkat kualiti perkhidmatan penjagaan di negara ini.

## Rumusan

15. Saya amat berharap semua peserta mendapat manfaat dan ilmu yang berguna sepanjang menjalani kursus ini. Di samping teori dan praktikal serta latihan dalam kelas bagi memastikan “*hands on*” dan aspek perkembangan kanak-kanak dapat dipraktikkan berdasarkan modul-modul dalam KAP, dapatlah kiranya peserta mengaplikasikannya di TASKA masing-masing kelak samada menjadi Pengusaha, penyelia ataupun pengasuh di TASKA.

16. Saya akhiri ucapan saya pada hari ini dengan memetik kata-kata Nelson Mendela,

“History will judge us by the difference we make in the everyday lives of children” Nelson Mandela

Maka sama-sama kita memastikan kesejahteraan anak-anak kita melalui penjagaan yang berkualiti demi masa depan mereka.

Dengan lafaz;

“Bismillahirahmanirahim”

Dengan ini saya merasmikan Penutupan Kursus Asas Asuhan Permata  
anjuran Institut Sosial Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita,  
Keluarga dan Masyarakat.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum wbkth.

**Institut Sosial Malaysia  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat  
5 Ogos 2020**